

Tepuk dahi harga naik

Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my
Petaling Jaya

■ Sekilo ayam cecah
RM8.50 sejak dua hari lalu

Kenaikan harga ayam sejak beberapa minggu lalu semakin ketara apabila ia dijual mencecah RM8.50 sekilogram sejak dua hari lalu.

Tinjauan di pasar Jalan Othman, di sini, semalam, mendapati kebanyakan peniaga menjual ayam pada harga RM8 sehingga RM8.50 sekilogram.

Peniaga ayam Zulshahreen Shahberi, 33, berkata, harga ayam mula meningkat sejak dua minggu lalu.

"Sebelum ini, ayam dijual tidak melebihi RM7.50 sekilogram, tetapi sejak minggu kedua tahun ini, ia naik mendadak.

"Kami tidak pasti apa punca yang menyebabkan harga ayam terus melonjak sama ada cuaca atau stok kerana pembekal tidak maklumkannya," katanya.

Berikutan kenaikan harga bahan mentah itu, beliau mendakwa kebanyakan pelanggan mengeluh kerana harga terbabit tinggi.

Pengunjung, Razali Ghani, 44, berkata, dia terkejut dengan kenaikan harga ayam, tetapi tiada pilihan kerana bahan basah itu adalah hidangan kegemaran anak-anaknya.

"Seekor ayam boleh cecah RM20, jumlah ini agak tinggi berbanding sebelum ini sekitar RM15 seekor.

"Sebagai pengu-na, saya tidak mampu berbuat apa-apa kerana ayam memang hidangan wajib bagi setiap keluarga yang mempunyai anak-anak kecil.

"Tetapi, saya berharap peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga sewenang-wenangnya," katanya.

Sementara itu, tinjauan ke bahagian sayuran mendapati harga bagi limau nipis dan lada benggala mengalami kenaikan ketara.

Peniaga sayur G Raja, 32, berkata, limau nipis mengalami kenaikan sehingga

RM5 sekilogram yang mana ia kini dijual pada harga RM9 sekilogram.

"Setiap kali menjelang Thaipusam, harga limau ini melonjak naik disebabkan permintaan tinggi daripada pelanggan terutama pelanggan berbangsa India.

"Tetapi, ini kali pertama pada tahun ini, harga limau itu naik mendadak," katanya.

Menurutnya, sayuran lada benggala turut mengalami kenaikan antara RM2 hingga RM5 mengikut warna.

"Benggala kuning naik sehingga RM13 berbanding RM8 sekilogram manakala yang merah RM12 berbanding RM10 sekilogram dan hijau RM8 berbanding RM6 sekilogram sebelum ini.

"Sayuran lain seperti timun, lobak dan sawi masih dijual pada harga rendah," katanya.

FAKTA

Tinjauan mendapati kebanyakan peniaga menjual ayam pada harga RM8 hingga RM8.50 sekilogram